

**JIKA UMNO HANCUR AKIBAT  
PERPECAHAN**

**Mahathir:**

**Melayu**

UM 21 MAR 1987

**akan hilang kuasa**

**B**UTTERWORTH 20 Mac — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran bahawa orang Melayu akan hilang kuasa dan menjadi bangsa yang terbiar di tanahair mereka sendiri jika UMNO hancur akibat perpecahan yang timbul.

"Kalau kuasa sudah terlepas dari tangan, kita tidak mungkin mendapatnya semula," katanya.

Menurut Presiden UMNO itu bahawa kejayaan UMNO menerajui pentadbiran negara adalah juga kerana sokongan bukan Melayu yang telah memberi kepercayaan disebabkan perpaduan yang wujud dalam UMNO.

"Tetapi kalau mereka sudah tahu tembelang kita, mereka tidak akan memberi peluang kepada kita lagi," katanya ketika berucap merasmikan sidang perwakilan kali ke-2 UMNO bahagian Bagan di pekarangan bangunan UMNO bahagian itu di sini petang ini.

Naib Presiden UMNO, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi yang juga Ketua Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang hadir sama. Sidang perwakilan bahagian itu berlangsung Ahad ini.

Ketibaan Datuk Sri Dr. Mahathir telah disambut dengan paluan kompang dan koir Pemuda UMNO bahagian itu

## Oleh Fuady Yusuf

menyanyikan lagu UMNO.

Perdana Menteri mengingatkan ahli-ahli parti bahawa kuasa yang ada pada UMNO hari ini akan hilang sekiranya perpecahan berlaku di kalangan pemimpin - pemimpinya.

"Apabila UMNO gugur, orang - orang Melayu akan terbiar, bangsa lain juga akan menerima akibatnya kerana politik yang telah tidak stabil," katanya.

Beliau menarik perhatian bahawa hanya UMNO sahaja yang menjamin masa depan orang - orang Melayu dan "jangan harap parti lain boleh melindungi kita."

Katanya: "Memang terdapat dalam perjuangan UMNO sekarang ini masih banyak perasaan tidak puas hati terutama di kalangan pemimpin, tetapi sedikit sebanyak kita berjaya mengatasi masalah kerana kita masih berkuasa."

"Untuk mengekalkan kuasa yang ada pada kita, maka kita harus mengutamakan perpaduan dari kepentingan diri sendiri," tambahnya.

Beliau mengingatkan pemimpin - pemimpin yang bercita - cita besar supaya tidak mengambil tindakan yang menyebabkan parti rosak dan hingga hilang kuasa.

"Ini disebabkan masih banyak lagi yang perlu dilaksanakan oleh UMNO untuk kepentingan bangsa, agama dan negara," ujarnya.

Beliau juga menimbulkan sesiapa sahaja boleh menjadi pemimpin tetapi yang pentingnya ialah kekuatan dan kukuhannya UMNO, itu mesti dipelihara. "Biasanya parti yang mencapai kejayaan baik dalam pilihanraya dengan mudah akan menyelesaikan masalah parti, tetapi malangnya tidak berlaku terutamanya di saat-saat akhir ini," tambahnya. Ini disebabkan cita-cita besar oleh orang - orang tertentu, pelbagai isu ditimbulkan untuk memenuhi hasrat hati.

## Imej

Menyentuh mengenai perhimpunan agung UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata: "Kalau nak bertanding boleh, tetapi jangan gunakan perkara - perkara yang memecah - belahkan kita dengan membuat tuduhan yang tidak ada asas, memburukkan imej orang tanpa memberi peluang orang itu membela diri." "Kita semua ini merupakan rakan - rakan seperjuangan, orang yang bekerjasama begitu lama dan apa yang sedang dilakukan itu menimbulkan perasaan marah dan benci antara sesama kita dan akibatnya perpecahan di kalangan sesama kita."